

**NEGERI PAHANG  
WARTA KERAJAAN  
29 Julai 2004**

**ORDINAN BINATANG 1953**  
PERINTAH DI BAWAH SUBSEKSYEN 36(1)

BAHAWASANYA penyakit kuku dan mulut, suatu penyakit lembu, kerbau, biri-biri, kambing dan babi telah berlaku di dalam Negeri Pahang;

MAKA OLEH YANG DEMIKIAN, pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 36(1) Ordinan Binatang 1953 [*Ordinan No. 17 tahun 1953*], saya, Dato' Sri Haji Adnan bin Haji Yaakob, Menteri Besar Pahang, mengisytiharkan Negeri Pahang sebagai suatu Kawasan Kawalan Penyakit Kuku dan Mulut;

DAN BAGI MAKSUD ITU, saya memerintahkan bahawa apa-apa jua pemindahan lembu, kerbau, biri-biri, kambing dan babi atau karkas binatang-binatang itu atau mana-mana bahagiannya ke dalam atau ke luar Negeri Pahang atau ke dalam mana-mana kawasan dalam Negeri Pahang adalah dilarang kecuali dengan kebenaran bertulis serta mematuhi syarat-syarat yang ditetapkan oleh Pengarah Perkhidmatan Haiwan Negeri Pahang;

Adalah juga diperintahkan bahawa penyembelihan binatang-binatang itu hendaklah mematuhi syarat-syarat yang ditetapkan oleh Pengarah Perkhidmatan Haiwan Negeri Pahang.

Pemberitahuan *Warta* No. 4 yang disiarkan dalam *Warta* Kerajaan Negeri Pahang pada 4 Januari 1979 adalah dibatalkan.

Dibuat pada 5 Januari 2004  
[SUK. Phg. (KTN) V.Phg. A-081]

DATO' SRI HAJI ADNAN BIN HAJI YAAKOB  
*Menteri Besar  
Pahang*

---

[Pusat Panggilan Perkhidmatan Veterinar JPH Pahang: 09-5149666](tel:09-5149666)